

Perniagaan dalam talian, menguntungkan

D emikian pengakuan pelajar tahun pertama program Bachelor Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Atiqah Mohammad Ali, 20, mengenai keberkesanan perniagaan menjual pakaian Muslimat yang diajarkanannya secara dalam talian sejak setahun lalu.

Pemilik syarikat Webeelongtogether Resources itu berkata, pelanggan kini lebih gemar membuat pembelian menerusi internet kerana menjimatkan masa, tenaga dan wang, manakala perniagaan dalam talian pula tidak memerlukan modal yang tinggi.

“Saya memanfaatkan sepehnuhnya laman sosial,



Nur Atiqah Mohammad Ali

termasuk Facebook, Instagram, Twitter dan blog, untuk bermula dengan pakaian Muslimat seperti tudung, skirt labuh serta stoking tangan, dan ternyata ia lebih mendapat sambutan berbanding teknik jualan secara tradisional.

Cabarannya

“Bagi menjimatkan kos, saya membangun serta menguruskan blog sendiri dan memperagakan produk yang dijual tanpa mengupah orang lain. Saya juga merancang membangunkan laman web sendiri bagi memudahkan pelanggan membuat pembelian menerusi alam siber,” katanya ketika ditemui di UPM di sini, baru-baru ini.

Begitupun anak kelinikan Klang, Selangor itu tidak menafikan satu daripada cabaran yang dihadapi ialah pembahagian masa antara kesibukan menguruskan perniagaan dengan

fokus terhadap pengajiannya.

Namun, beliau berkata, perkara itu dapat ditangani dengan baik selepas mengikuti program Lab Minda Keusahawanan anjuran Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM.

Selain sokongan padu keluarga, Nur Atiqah berkata, program anjuran CEM juga banyak menyuntik motivasi dan galakan kepada dirinya untuk terus bersemangat tinggi mencari peluang dalam talian.

“Selepas tamat mengikuti program Lab Minda Keusahawanan pada semester lalu, saya terus mendaftarkan syarikat dengan Suruhanjaya

“

PRODUK Saya MENITIKBERAT-
KAN KONSEP
KESOPANAN
DAN KESEDER-
HANAAN DALAM
BERFESYEN
WALAUPUN ME-
NUTUP AURAT, SI
PEMAKAI MASIH
BOLEH BERGAYA.”

INFO

- ◎ Blog:
<http://webeelongtogether.blogspot.com>
- ◎ Instagram/Facebook:
[webeelongtogether](https://www.facebook.com/webeelongtogether)
- ◎ Twitter:
[@wbelongtogether](https://twitter.com/wbelongtogether)

Syarikat Malaysia dan mengumpulkan modal dengan meminjam wang daripada keluarga untuk membeli stok barang di Bandung, Indonesia.

“Kini, saya mampu meraih keuntungan antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan hasil jualan dalam

talian serta perniagaan di Aroneb Boutique and Cafe, Cheras Selatan, biarpun perlu berkurban masa mengambil tempahan, melayan keranjang pelanggan dan menguruskan penghantaran pesanan di pejabat pos.

“Produk saya menitikberatkan konsep kesopan-

nan dan kesederhanaan dalam berfesyen walaupun menutup aurat, si pemakai masih boleh tampil bergaya. Konsep ini jelas diterima ramai sehingga mendapat tempahan dari luar negara seperti Brunei, Amerika Syarikat, Korea dan India,” katanya.

